



جَاتِنْ كَهَاكِيْمَنْ شَرْعِيْه مَلِيْسِيَا
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

Tel: 03-8886 4800
Fax: 03-8889 1627

JKSM/100-24/5 Jld. 3(22)

11 Jamadilakhir, 1426H/
18 Julai, 2005M

Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 8 Tahun 2005

Maksud Perkataan Bertindak atau Berkelakuan Tidak Sopan
Di Dalam Seksyen 29 Akta / Enakmen Kesalahan Jenayah
Syariah Negeri-Negeri

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2005 pada 10-12hb April 2005 bersamaan 1-3 Rabiulawal 1426H di Shah Alam, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan maksud perkataan "**bertindak atau berkelakuan tidak sopan**" di bawah Seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau dalam mana-mana Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah Negeri-Negeri, adalah apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat awam termasuklah:-

- (i) bercumbu-cumbuan;
- (ii) berpeluk-pelukan;
- (iii) pertuturan atau isyarat lucah atau berpakaian yang mengghairahkan; atau
- (iv) lain-lain perbuatan yang tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 1 Ogos 2005.

(Datuk Sheikh Ghazali Bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia